

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [REMBAU]

TARIKH : 20 NOVEMBER 2019 [RABU]

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah mekanisme pelaksanaan yang telah ditetapkan terhadap cadangan kempen pemilikan rumah di negara ini kepada warga asing terutamanya dari China dan Hong Kong dan berapa jumlah unit dan nilai keseluruhan rumah yang disasarkan untuk dijual kepada warga asing ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan tidak meletakkan sasaran yang khusus bagi pemilikan rumah mewah oleh warga asing. Lambakan rumah mewah yang bernilai RM1 juta dan ke atas telah menjejaskan pertumbuhan ekonomi serta mewujudkan permasalahan sosial di kawasan-kawasan rumah ini yang tidak diduduki. Sehubungan itu, rumah-rumah mewah yang tidak terjual ini boleh ditangani melalui mekanisme sedia ada Kerajaan seperti Kempen *Malaysia My Second Home* (MM2H) yang menjual hartanah dengan nilai tertentu kepada ekspatriat yang layak.

2. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengadakan sesi perbincangan dengan pihak urus setia MM2H iaitu Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) pada 24 September 2019 yang lalu bagi menyelaraskan dan mencadangkan mekanisme penjualan rumah mewah bernilai RM1 juta dan ke atas yang tidak terjual. MOTAC dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) juga telah bekerjasama dalam mengawal kemasukan warga asing melalui program MM2H ini. Perbincangan susulan akan diadakan dengan pihak KDN bagi melihat penambahbaikan kepada program MM2H khususnya daripada aspek keselamatan negara apabila menerima kemasukan warga asing.

3. Untuk makluman Yang Berhormat juga, berdasarkan data Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), terdapat 4,213 (12.8%) rumah mewah berharga RM1 juta ke atas dengan nilai RM8.3 bilion tidak terjual di negara ini. Sehubungan itu, penjualan rumah mewah kepada warga asing yang layak dan memenuhi kriteria dapat mengurangkan lambakan unit rumah mewah sedia ada serta menggalakkan pertumbuhan ekonomi secara tidak langsung.

4. Selain itu, berdasarkan transaksi jual beli hartanah kediaman yang dikeluarkan oleh NAPIC, sehingga kini (Jan - Jun 2019), jumlah pemilikan rumah oleh warga asing adalah amat rendah iaitu sebanyak 398 orang (0.4%), berbanding pemilikan oleh warga Malaysia iaitu 99,524 orang (99.6%). Secara keseluruhan, transaksi ini menunjukkan pasaran hartanah kediaman bagi warga asing masih terkawal.

Sekian, terima kasih.